

06 FEB 1997

Mahathir - Mercun

MANGSA MERCUN BUATAN SENDIRI CUBA "BUNUH DIRI"

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan mangsa mercun buatan sendiri sebagai golongan yang cuba "membunuh diri" kerana mereka tidak pernah mengambil iktibar daripada semua kejadian sebelum ini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, kerajaan sudahpun melaksanakan tanggungjawab menguatkuasakan undang-undang setakat yang dibenarkan manakala terpulanglah kepada individu dan ibu bapa untuk menghalang kejadian seumpama itu daripada berulang.

"Kita dah larang setakat yang kerajaan boleh tapi kalau dia (mangsa) nak cari barang-barang itu (belerang) dia nak sumbat masuk dalam buluh, lepas itu dia nak letupkan, nak bunuh diri dia, macam mana kita nak buat," katanya kepada pemberita selepas merakamkan perutusan Hari Raya Aidil Fitri di Angkasapuri, di sini.

Menjelang perayaan berkembar tahun ini, polis telah melaporkan beberapa kejadian melibatkan kanak-kanak dan remaja, malahan orang dewasa menjadi mangsa mercun buatan sendiri selepas belerang bunga api yang mereka masukkan ke dalam buluh atau batang besi meletup ketika dimampatkan.

Kerajaan telah mengharamkan sama sekali permainan mercun pada semua musim perayaan.

Ketika ditanya pendapatnya mengenai punca kejadian itu, Dr Mahathir berkata: "Kita tak nak belajar daripada kita punya pengalaman".

Perdana Menteri berkata, kejadian-kejadian lepas merupakan pengajaran terbaik bagi mengelak ia berulang kerana tidak mungkin kerajaan dapat mengawasi sepanjang masa bagi memastikan tiada sesiapa yang cuba "membunuh diri" seperti itu.

"Kalau orang nak bunuh diri mana larat kerajaan nak pergi duduk tengok semua orang supaya jangan bunuh diri," katanya.

Perdana Menteri berkata ibu bapa juga sudah sering diingatkan supaya sentiasa mengawasi anak-anak mereka agar tidak bermain mercun buatan sendiri.

"Kadang-kadang ibu bapa nampak tidak begitu bertanggungjawab, semuanya nak serah pada kerajaan. Mana ada negara yang kerajaan boleh mengawasi segala kegiatan semua rakyatnya," katanya. -- BERNAMA

AH MAI